

Ciri-ciri Anak Cemerlang

Anak yang cemerlang merupakan impian setiap ibu bapa. Ibu bapa yang bertanggungjawab pasti akan memberikan kasih sayang dan menyediakan keperluan asas anak-anak mereka. Ibu bapa juga akan memberikan pendidikan kepada anak-anak dengan menghantar mereka ke sekolah. Pada pandangan saya usaha membentuk anak yang cemerlang ini perlu bermula sejak anak-anak dalam kandungan lagi. Terdapat beberapa ciri yang dimiliki oleh anak-anak yang cemerlang.

Anak yang cemerlang adalah anak yang akan _____ (1) pada setiap masa. Anak-anak cemerlang memahami bahawa kehidupan mereka pasti tidak akan sempurna sekiranya mereka tidak menyayangi keluarga. Mereka juga akan menyayangi keluarga terdekat seperti datuk, nenek, bapa saudara dan emak saudara. Kasih sayang kepada keluarga ini boleh ditunjukkan melalui pemberian hadiah sewaktu hari penting dalam keluarga seperti Hari Ibu, Hari Bapa dan hari ulang tahun perkahwinan ibu bapa mereka. Anak juga pasti akan mendapat _____ (2) daripada ahli keluarga.

Anak yang cemerlang juga akan _____ (3) pada setiap masa. Mereka tidak akan membantah suruhan ibu bapa kerana ibu bapa sentiasa menginginkan anak mereka berjaya dalam kehidupan. Anak yang cemerlang juga akan menghormati adik-beradik, terutama yang lebih tua daripada mereka. Jika ada tetamu yang datang ke rumah, mereka akan menghormati tetamu itu dengan sebaik mungkin. Di sekolah, mereka juga akan sentiasa menghormati _____ (4) dan sentiasa berfikir positif dengan teguran guru.

Anak yang cemerlang adalah anak yang _____ (5) sama ada di rumah atau di sekolah. Ketika di rumah, mereka rajin membantu ibu bapa membuat kerja-kerja rutin harian. Antara kerja-kerja tersebut ialah memasak, membasuh baju, mengemas rumah dan menjaga _____ (6). Manakala di sekolah pula, mereka rajin belajar dan membuat latihan yang diberi oleh guru. Anak yang cemerlang juga biasanya rajin dan minat membaca buku sama ada di sekolah atau di _____ (7).

Berazam untuk membalas jasa ibu bapa juga merupakan salah satu ciri anak yang cemerlang. Anak cemerlang mengetahui bahawa ibu bapa banyak berjasa kepada mereka dengan menyediakan kemudahan asas kepada mereka. Antara kemudahan asas itu ialah makanan, pakaian, tempat tinggal dan _____ (8). Ibu bapa juga telah memberikan pendidikan kepada mereka dengan menghantar mereka ke sekolah selama sebelas tahun dan seterusnya mereka dihantar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Setelah mendapatkan pekerjaan, anak yang cemerlang ini seharusnya _____ (9) serta membantu adik-adiknya yang masih bersekolah.

Selain itu, anak yang cemerlang mempunyai _____ (10) yang tinggi. Oleh itu, anak yang cemerlang sentiasa menghargai masa mereka dan memenuhi masa lapang dengan melakukan perkara yang berfaedah. Mereka tidak suka membazirkan masa dengan sesuka hati. Selain itu, mereka berusaha untuk tidak menyusahkan orang lain dalam tindakan mereka. Jika mereka melakukan kesalahan, mereka akan _____ (11) dan berazam tidak akan mengulangi perbuatan tersebut.

Daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa terdapat beberapa ciri anak cemerlang. Pada pendapat saya, kecemerlangan anak-anak masa kini akan dapat menjadi pemangkin kepada _____ (12). Anak yang cemerlang juga akan dapat membahagiakan diri dan keluarga mereka. Oleh itu, semua pihak mesti _____ (13) untuk membentuk anak-anak yang cemerlang. Dengan kerjasama semua pihak, kecemerlangan anak-anak akan _____ (14) dan seterusnya mereka pasti dapat memberi kebaikan kepada keluarga, masyarakat dan _____ (15).

rawatan perubatan 如 医疗护理 menyara ibu bapa 如 供养父母 disiplin diri 如 自律 memohon maaf 如 请求原谅 kemajuan negara 如 国家发展 berganding bahu 如 携手合作 terhasil 如 实现 negara 如 国家	menyayangi keluarganya 如 爱护家人 balasan kasih sayang 如 爱的回报 menghormati orang lain 如 尊重他人 guru-guru 如 老师们 rajin 如 勤劳 kebersihan rumah 如 家庭清洁 luar sekolah 如 校外
--	--